

UMUR PANJANG: KESEMPATAN MENGGANDAKAN AMAL KEBAJIKAN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:
وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مُوَلِّيهَا ۖ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۚ إِنَّ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ جَمِيعًا ۗ إِنَّ اللَّهَ
عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٤٨﴾ (Surah Al-Baqarah, ayat: 148)
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَىٰ بِهِدَاهِمُ عَلَى الدَّوَامِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Tiada siapapun dapat meramal detik kematiannya apatah lagi mengetahui bagaimana dan di mana dia akan dicabut rohnya oleh malaikat maut. Oleh itu, bersama-samalah kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan cara mengerjakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya sebagai persiapan menemui ajal dalam keadaan khusnul khatimah.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam." (S. Ali-Imraan: 102).

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Dalam meniti usia yang semakin meningkat, marilah kita audit diri apa yang telah kita lakukan selama ini dalam mengisi kehidupan yang singkat di dunia ini. Tujuannya adalah untuk memastikan yang diri kita dapat mempergunakan usia sebaik mungkin untuk beramal soleh kerana ajal tidak mengenal usia muda ataupun tua.

Firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ تَرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مَخْرَجُكُمْ طِفْلاً ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشُدَّكُمْ ثُمَّ لِتَكُونُوا شُيُوخًا وَمِنْكُمْ مَنْ يُوَفِّي مِنْ قَبْلُ^ط وَلِتَبْلُغُوا أَجْلاً مُّسَيِّ^ط وَلَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Maksudnya: "Dialah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari (setitis) air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging, kemudian Dia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian kamu (dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; kemudian kamu (dipanjangkan umur) hingga sampai menjadi tua. Dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan sebelum itu. (Allah melakukan kejadian yang demikian) supaya kamu sampai ke masa yang ditentukan (untuk menerima balasan); dan supaya kamu memahami (hikmat-hikmat kejadian itu dan kekuasaan Tuhan)." (S. Al-Mukmin: 67).

Kronologi fasa kejadian manusia yang dipaparkan oleh al-Quran ini mendahului kajian para saintis dan ahli perubatan. Ia menzahirkan kekuasaan, kebijaksanaan serta hikmah Allah SWT menciptakan sesuatu yang mengandungi pengajaran bagi manusia yang mahu berfikir. Ini kerana, setiap fasa dalam proses kehidupan dan perkembangan manusia mempunyai matlamat tersendiri, baik fasa janin dalam kandungan mahupun fasa bayi selepas kelahiran, fasa kanak-kanak, remaja, dewasa dan tua.

HADIRIN MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Hakikatnya, sama ada suka ataupun tidak suka, kita semua akan tua jika dikurniakan Allah SWT umur yang panjang. Ia adalah proses semula jadi yang tidak boleh dielakkan. Kita harus menerima segala ketentuan Ilahi dengan mengisi ruang usia kurniaan-Nya dengan perkara-perkara yang memberi manfaat kepada kehidupan di dunia dan kehidupan di akhirat.

Dalam erti kata yang lain, proses penuaan sememangnya tidak dapat dielak, tetapi tua dalam keadaan sihat dan beramal soleh adalah pilihan terbaik. Sebaik-baik manusia ialah orang yang lanjut usianya dan baik amalannya. Hal ini sejajar dengan hadith daripada Abdullah bin Bisr RA yang meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud: "*Sebaik-baik manusia ialah orang yang lanjut usianya dan baik amalannya.*" (HR Ahmad).

Sehubungan itu, kehidupan kita yang sementara di dunia ini harus kita hiasi dengan amal-amal kebajikan atau soleh yang dapat mengukuhkan hubungan dengan Allah SWT dan mengukuhkan hubungan sesama manusia. Segala nikmat kurniaan Allah SWT kepada kita yang meliputi akal, tenaga, masa, umur atau usia, harta, ilmu dan sebagainya hendaklah kita pergunakan untuk berbakti pada jalan yang diredai-Nya Yang Maha Esa. Maknanya, segala suruhan Allah SWT hendaklah kita tunai dan laksanakan manakala segala larangan-Nya wajib kita jauhi dan tinggalkan.

Perkara ini perlu diambil perhatian dan dititikberatkan kerana pada akhirat kelak kita akan ditanya mengenai hal ehwal usia, harta dan ilmu kita sewaktu di dunia. Ini sebagaimana maksud sabda Rasulullah SAW: "*Tidak akan berganjak kedua-dua kaki manusia pada hari kiamat sehingga ditanya empat perkara, iaitu umurnya ke mana dihabiskan, usia mudanya ke mana dipergunakan, hartanya dari mana diperoleh dan ke mana dibelanjakan dan ilmunya apakah sudah diamalkan.*" (HR At-Tirmizi).

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Mereka yang berumur 60 tahun ke atas secara amnya ditakrifkan sebagai orang tua atau warga emas. Istilah tersebut turut ditujukan kepada mereka yang telah bersara daripada perkhidmatan iaitu pada umur 60 tahun. Dan ramai yang semakin risau apabila usia menjejaki usia emas kerana dibayangi perubahan fizikal, penyakit, pergerakan terbatas, dipinggirkan masyarakat dan sebagainya.

Meskipun demikian, kita tidak patut menunggu usia mencecah 60 tahun baru mahu melakukan kebaikan serta beramal ibadat. Kita mesti berusaha mulai detik ini untuk berlumba-lumba melakukan amal kebajikan sementara masih sihat sebelum sakit, kaya sebelum miskin, lapang sebelum sibuk, muda sebelum tua dan hidup sebelum mati. Ini sejajar dengan anjuran Allah SWT dalam firman-Nya:

...فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٤٨﴾

Yang bermaksud: "...Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka Ia akan memberi tahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya." (S. Al-Maa'idah: 48).

Justeru saudara-saudara sekalian, hari berganti hari yang kita tempuhi seharusnya kita jadikan sebagai peringatan untuk bermuhasabah dan memikirkan hala tuju kehidupan. Ini penting kerana usia dan keadaan fizikal bukanlah penentu ajal seseorang. Yang pasti, apabila ajal seseorang itu tiba, ia tidak akan dapat dilewatkan mahupun dipercepatkan walau sesaat sekalipun.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Allah SWT mengangkat Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul-Nya ketika baginda berumur 40 tahun. Ekoran itu, muncullah pepatah Inggeris yang menyatakan: "**life begins at forty**" yang bermaksud kehidupan bermula pada usia 40 tahun. Walaupun tidak semua orang akan berpeluang hidup hingga 40 tahun, namun usia 40 tahun boleh dijadikan sebagai penanda aras menilai kematangan seseorang manusia.

Matang yang dimaksudkan di sini bukan setakat cerdas minda dan tahu membezakan yang baik dengan yang buruk sahaja. Tapi matang dalam erti kata cenderung melakukan perkara yang baik dan menjauhi perkara yang buruk dan memudaratkan sama ada terhadap diri sendiri mahupun terhadap keluarga dan masyarakat.

Tegasnya, matang dalam perspektif Islam ialah kebijaksanaan mengatur hala tuju hidup selaras syariat agama dengan didasari keimanan kepada Allah SWT dan hari kemudian.

Dalam hubungan ini, mereka yang sudah mencecah usia 40 tahun atau melewati batas usia berkenaan dianjurkan supaya mempamerkan kematangan dengan sentiasa bersyukur atas segala nikmat kurniaan Allah SWT, mengerjakan amal-amal soleh, segera bertaubat dan sebagainya. Tatacara ini selaras dengan panduan Ilahi dalam ayat berikut:

...حَتَّىٰ إِذَا بَلَغَ أَشُدَّهُ وَبَلَغَ أَرْبَعِينَ سَنَةً قَالَ رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ وَأَصْلِحْ لِي فِي ذُرِّيَّتِي ۗ إِنِّي تُبْتُ إِلَيْكَ وَإِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٤٩﴾

Yang bermaksud: "...Setelah dia besar sampai ke peringkat dewasa yang sempurna kekuatannya dan sampai ke peringkat umur empat puluh tahun, berdoalah dia dengan berkata: Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmat-Mu yang engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapakku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepada-Mu, dan sesungguhnya aku dari orang Islam (yang tunduk patuh kepada-Mu)." (S. Al-Ahqaf: 15)

SAUDARA JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Perisytiharan tanggal 1 Oktober setiap tahun sebagai Hari Warga Tua adalah peringatan bahawa kita semua bakal mengisi kelompok penduduk berusia emas. Peringatan ini akan sedikit sebanyak membuat kita lebih bersedia menghadapi hari tua sekali gus merencana perjalanan hidup ke arah yang diredai Allah SWT. Ini adalah satu tuntutan serta kewajipan kerana dari Allah SWT kita datang dan kepada-Nya jualah kita kembali.

Oleh itu, janganlah berdolak-dalih dalam menyahut perintah Allah SWT dan Rasul-Nya dengan memberi alasan usia masih muda, belum puas hidup berseronok-seronok atau belum mendapat seru. Sesungguhnya panggilan Ilahi akan kunjung tiba tanpa disedari. Maka, sementara masih bernyawa dan sihat, jangan bertangguh menggandakan amal ibadat dan bertaubat agar beroleh kebahagiaan dunia dan akhirat.

وَأَنِيبُوا إِلَىٰ رَبِّكُمْ وَأَسْلِمُوا لَهُ مِن قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمُ الْعَذَابُ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ﴿٥٤﴾

Maksudnya: "Dan kembalilah kamu kepada Tuhan kamu dengan bertaubat, serta berserah bulat-bulat kepada-Nya, sebelum kamu didatangi azab; kerana sesudah itu kamu tidak akan diberikan pertolongan." (S. Az-Zumar: 54).

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعِي وَإِبَائِكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah